

Publication	Sinar Harian	Section/Page No.	Laporan Khas/Pg.N14
Date	Sunday, 26th September 2010	Lead Article	Yes
Headline	Alat Ganti Original @ Tiruan?		

Alat ganti **original @ tiruan?**

Dilema pengusaha bengkel sering dipersalahkan kerana harga mahal, barang palsu

Mencari sebuah bengkel kereta menawarkan servis bermutu dan bagus bukan senang, apatah lagi mencari bengkel kereta yang boleh dipercayai.

Ada bengkel yang menawarkan servis dengan harga melebihi dari sepatutnya, dan ada juga yang murah, tetapi barang digunakan pula tiruan dan tidak tahan lama.

Memikirkan perkara ini, hati pemilik kenderaan menjadi gusar. Pilihan yang manakah patut dilakukan? Mendapatkan servis murah tetapi dengan barang gantian yang palsu atau servis mahal dengan barang gantian original?

Sesetengah orang mungkin tidak kisah dengan harga



● Pengguna keliru memilih bengkel terbaik untuk kenderaan mereka.

dikenakan, tetapi apa yang menjadi keimbangan ialah ditipu pengusaha bengkel,

terutama dalam memastikan alat ganti yang digunakan benar atau tiruan.

Pernahkah anda pergi ke bengkel untuk membaiki kerosakan kereta, kemudian kerosakan yang sama berulang lagi selepas itu walaupun ia baru sahaja diperbaiki, malah bertambah teruk? Sekiranya pernah, anda pastinya berasa bengang dengan perkhidmatan tidak telus pengusaha bengkel tersebut.

Namun, benarkah segalanya berpunca daripada pemilik bengkel yang tidak bertanggungjawab?

Atau, mungkinkah ia turut berpunca daripada syarikat insurans yang sedaya mungkin cuba mengurangkan kos pembaikan? Wartawan **NORHAFIZAN ZULKIFLI** mengungkai kekeliruan ini.